

FOTO: ATHIRAH JOHAR

PELAJAR baru menunggu giliran untuk mendaftar pada hari pertama kemasukan 2014/2015 di Universiti Zainal Abidin.



DOMINASI MUTILAK

■ Pelajar perempuan terus kuasai IPTA tempatan pada kadar 70%

Oleh Sarah Zulkiffi dan Nor Azura Abdul Jali
am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pelajar perempuan terus mendominasi kemasyarakatan program ijazah pertama institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara apabila 26,030 atau 69.5 peratus diterima masuk

pada tahun ini berbanding pelajar lelaki seramai 11,437 atau 30.5 peratus.

Statistik ini berikutan pengambaran pelajar perempuan dan lelaki bagi kebanyakan universiti adalah pada nisbah 70:30.

Pengarah Bahagian Penguasaan Kemasukan Pelajar, Kementerian Pendidikan, Mazula Sabudin berkata sejak tiga



SEORANG ibu mengucapkan selamat tinggal kepada anaknya selepas menguruskan pendaftaran di Universiti Malaya, Kuala Lumpur

FOTO: AZUDDIN SAAD

tahun kebelakangan ini statistik kemasukan ke IPTA sememangnya didominasi pelajar perempuan.

"Ini kerana bilangan perempuan yang membuat permohonan adalah lebih banyak berbanding lelaki, malah mereka turut dinilai berdasarkan kelayakan masing-masing.

"Bagaimanapun, peluang atau keberangskalian dipilih tetap diberi secara sama rata bagi kedua-dua jantina," katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Katanya, calon yang tidak berjaya dan memohon e-rayuan boleh menyemak keputusan rayuan yang akan diumumkan pada 15 September ini pada jam 12 tengah malam di laman web <http://www.upu.moe.gov.my>.

"Hanya calon yang tidak mendapat tempat akan dipertimbangkan berdasarkan kekosongan tempat pelajar yang tidak mendaftar di IPTA yang dibuka pada 1 hingga 5 September ini dan memenuhi syarat kemasukan dan meritokrasi," katanya.